

06 JUN 1997

Agong-Sosial

BERI PERHATIAN KEPADA ISU SOSIAL, TITAH TUANKU JA'AFAR

KUALA LUMPUR, 6 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar hari ini mengingatkan rakyat agar memberi perhatian kepada isu-isu sosial yang melanda masyarakat masa kini demi mengelakkan negara daripada kemusnahan.

Seri Paduka bertitah, perkembangan ekonomi yang pesat tidak harus diiringi dengan kemunculan banyak masalah sosial yang boleh menghancurkan negara.

"Pada hari ini masalah-masalah sosial seperti dadah, bohsia, jenayah dan keganasan yang lazim didapati di negara-negara Barat telah mula memperlihatkan kesannya ke atas kita," titah Seri Paduka dalam perutusan yang disiarkan melalui radio dan televisyen sempena Ulangtahun Hari Keputeraannya esok.

Seri Paduka bertitah, kadar peningkatan aktiviti yang tidak bermaruah seperti bersekedudukan dan perpecahan rumahtangga mengakibatkan kanak-kanak terbiar, seterusnya mewujudkan masalah sosial di kalangan kanak-kanak dan murid sekolah.

"Gangsterisme di sekolah-sekolah merupakan gejala negatif yang boleh menjejaskan usaha-usaha membangunkan belia dinamis," titah Seri Paduka.

Seri Paduka bertitah, rakyat harus bersikap positif untuk mencapai kejayaan dengan mempraktikkan semangat disiplin, rajin dan bertanggungjawab serta mengamalkan sikap "Malaysia Boleh" dalam apa jua bidang termasuk sosial, ekonomi dan politik.

Titah Seri Paduka, kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah banyak membawa pembaharuan berfaedah kepada negara serta membolehkan Malaysia dihormati dunia.

"Pendirian Malaysia yang tegas dan berani dalam banyak soal di peringkat antarabangsa telah mendapat sanjungan tinggi daripada banyak negara di Amerika Latin, Afrika, Timur Tengah dan Asia," titah baginda.

Seri Paduka turut menyatakan kebanggaannya terhadap dasar pembangunan ekonomi yang adil dengan kekayaan negara dinikmati semua rakyat tanpa mengira kaum dan agama.

Titah Seri Paduka, paras kemiskinan rakyat telah turun ke tahap yang rendah iaitu 9.6 peratus pada tahun 1995 berbanding 49.3 peratus pada tahun 1970.

Seri Paduka juga mahu lebih ramai usahawan Bumiputera di tahap menengah diwujudkan serta berharap mereka lebih melibatkan diri dalam bidang telekomunikasi, teknologi maklumat, binaan dan perkhidmatan.

"Beta berharap rakyat tidak akan mempunyai sifat syak wasangka dan pendirian yang mementingkan diri yang boleh menjejaskan usaha-usaha kerajaan untuk membangunkan ekonomi," titah Seri Paduka.

Seri Paduka bertitah, kejayaan yang dicapai selama ini boleh terhapus sekiranya rakyat tidak menjalankan tugas masing-masing dengan penuh gigit dan semangat kenegaraan. -- BERNAMA

RAZ AKD